

EDISI 2021



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROGRAM PERAKAUNAN & KEWANGAN

Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(*Malaysian Public Sector Accounting Standards, MPSAS*)



MORE INFO

www.ipn.gov.my



MPSAS 12

OBJEKTIF MPSAS 12

SKOP MPSAS 12

PENGIKTIRAFAN *Recognition*

PENGUKURAN AWAL *Initial Measurement*

- Kos Inventori
- Formula Kos

PENGUKURAN SUSULAN *Subsequent Measurement*

- Nilai Realisasi Bersih vs Kos
- Pengiktirafan Sebagai Belanja

PENDEDAHAN

MPSAS 12: INVENTORIES

Definitions	Initial Measurement	Subsequent Measurement	Disclosure
Inventories are assets: a) In the form of materials or supplies to be consumed in the production process; b) In the form of materials or supplies to be consumed or distributed in the rendering of services; c) Held for sale or distribution in the ordinary course of operation; d) In the process of production for sale or distribution	<pre> graph TD A[Cost of inventoris] --> B[Cost of Purchase] A --> C[Cost of Conversion] A --> D[Other Costs] E[Initial Measurement] --> F[Cost exchange transaction] E --> G[Fair Value non-exchange transaction] H[Cost Formula] --> I[Specific Identification] H --> J[Weighted Average] H --> K[FIFO] H --> L[FEFO] </pre>	<pre> graph TD A[Cost of inventoris] --> B[Cost] A --> C[lower of] C --> D[NRV] C --> E[CRC] F[Cost of inventoris] --> G[Cost] F --> H[lower of] H --> I[CRC] </pre> if held for distribution at no charge or for a nominal charge: - recognise as expense when being sold, exchanged, or distributed. - write-down of inventories recognise as expense in the period it occurs.	The Financial Statement shall disclose: - the accounting policies adopted - CA of inventories - CA of inventories carried at FV - Costs to sell - Total expensed inventories - Total write-off of inventories - Reversal of write-off - The events that led to reversal of write-off - CA of inventories pledged as security for liabilities
ACCOUNTING POLICIES			
- Threshold for Inventory: which have value of RM 1 million or above per responsible centre as at end of preceding three financial year shall be capitalised. - Entity shall operate Periodic Inventory System or other inventory system as agreed by Accountant General's Department			



INSTITUT TEKNOLOGI MALAYSIA
JABATAN AKAKUNTAN NEGARA MALAYSIA

- **Kaedah perakaunan** untuk inventori.
- Panduan untuk **menentukan kos inventori** dan **pengiktirafan susulan** sebagai perbelanjaan.
- Panduan **formula kos** yang digunakan untuk mengagihkan kos ke inventori.

SKOP MPSAS 12

- Terpakai untuk **semua jenis inventori**
- **Entiti sektor awam** selain dari Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*)
- **Kerja dalam Progres** di bawah kontrak pembinaan (MPSAS 11).
- **Instrumen Kewangan** (MPSAS 28 & 29)
- **Aset biological** berkaitan dengan aktiviti pertanian dan pengeluaran pertanian pada masa penuaian (MPSAS 27)
- **Kerja dalam Progres bagi Perkhidmatan** yang disediakan dengan **percuma atau pada kadar nominal** secara langsung kepada penerima.
- **Pengukuran Inventori** bagi Pengeluar Produk Pertanian dan hutan, dan komoditi broker-penjual.

MPSAS 12

- **Aset** adalah sumber yang **DIKAWAL** oleh entiti hasil daripada peristiwa lampau dan daripada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka **mengalir masuk** ke dalam entiti. **(MPSAS 1)**
- **Inventori** adalah **ASET**:
 - ✓ Dalam bentuk bahan atau bekalan yang akan **digunakan dalam proses pengeluaran**;
 - ✓ Dalam bentuk bahan atau bekalan yang akan **digunakan atau diagihkan semasa menyediakan perkhidmatan**;
 - ✓ **Dipegang untuk jualan atau pengagihan** semasa menjalankan operasi biasa; atau
 - ✓ Dalam **proses pengeluaran** untuk jualan dan pengagihan

MPSAS 12

- **Nilai Realisasi Bersih (NRB)** ialah **anggaran harga jualan** semasa menjalankan operasi biasa, **tolak anggaran kos siap** dan **anggaran kos** yang diperlukan untuk membuat **jualan, pertukaran atau pengagihan**.
- **Kos Penggantian Semasa (KPS)** ialah **kos** yang ditanggung oleh entiti untuk **memperoleh aset pada tarikh pelaporan**.

MPSAS 12



✓ **Peluru**
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

- ✓ **Stor barang luak**
- ✓ **Material/bahan Penyelenggaraan**
- ✓ **Alat ganti loji dan peralatan selain daripada yang berkaitan dengan piawaian PPE**

- ✓ **Stok matawang wang belum digunakan**

Inventori dalam Sektor Awam

- ✓ **Simpanan Stok Strategik** (contoh, rizab tenaga)

Contoh inventori

- ✓ **Perkhidmatan bekalan pos dipegang untuk dijual** (contoh: setem)
- ✓ **Kerja dalam Progres, termasuk:**
 - i. Pendidikan/ bahan kursus untuk latihan
 - ii. Perkhidmatan pelanggan (contoh: perkhidmatan auditan)
- ✓ **Tanah/Hartanah yang dipegang untuk dijual**

MPSAS 12

Pengiktirafan



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Memenuhi
definisi
Aset

Memenuhi
definisi
Inventori

Memenuhi
threshold



MPSAS 12

Pengiktirafan (sambungan)



INSTITUT PERAKAUNAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Threshold

Inventories which have:

- value of **RM 1 million or more**
 - **per responsibility centre (PTJ)**
 - as at end of **three preceding financial years**
- shall be **CAPITALIZED**.



75 PTJ INVENTORI

Status seperti pada Mac 2020




KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN
BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN




Bil	Kementerian	Bil PTJ Inventori
1	KKM	64
2	KDN	3
3	MINDEF	5
4	MOF	1
5	MOA	1
6	KPKT	1
Jumlah		75

6 KEMENTERIAN



Komponen Kos

Urusniaga Pertukaran - Semua kos yang menyumbang kepada inventori pada lokasi dan keadaan semasa





INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Kuantiti × Kos = Nilai Inventori

Sistem Inventori

- Periodic (FGOM)
- Perpetual

Kos Formula

- FIFO
- WAC (FGOM)
- Pengenalpastian Kos Khusus

Kos/NRB/KPS

MPSAS 12

Pengukuran Awal

Diperoleh melalui Urusniaga Bukan Pertukaran

INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Donated inventories?

- Recognised as inventories and measured at fair value
- Same amount recognised as income

MPSAS 12

Penilaian Inventori

Formula Kos

Item yang boleh diganti antara satu sama lain

(Interchangeable)

**Masuk Dulu
Keluar Dulu (FIFO)**

**Purata Wajaran
(WAC)**

Item yang tidak boleh ditukar ganti antara satu sama lain (projek khusus)

(Not Ordinary Interchangeable)

**Pengenalpastian
kos khusus**

Inventori yang mempunyai jenis dan kegunaan yang serupa hendaklah menggunakan formula kos yang sama

Kaedah Pengukuran Inventori

– contoh FIFO dan WAC (Scenario A)

Entiti membuat pembelian Inventori sepanjang tahun. Andaikan bahawa Inventori Awal pada 1 Mac 2013 adalah sifar. Semua Inventori adalah barangan siap dan sama jenis.

INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA

	Unit Kuantiti	Kos Seunit (RM)
Kelompok 1 Diterima pada 1 Mac 2013	2	3.00
Kelompok 2 Diterima pada 15 Mac 2013	4	4.50
Pada 25 Mac 2013, Entiti Menjual 5 Unit	(5)	
Inventori Akhir pada 31 Mac 2013	1	

	Unit Kuantiti	Kos Seunit (RM)	Nilai (RM)
(a) FIFO	1	4.50 (a)	4.50
(b) Kos Purata Wajaran	1	4.00 (b)	4.00

- (a) FIFO: semua unit dalam kelompok 1 diandaikan telah digunakan dahulu dan kemudian 3 unit dari kelompok 2 digunakan. Satu unit dari kelompok 2 kekal pada Harga Kos RM4.50
- (b) Kos Purata Wajaran: purata kos seunit dari semua unit yang diterima adalah RM4.00 (2 unit x RM3.00 + 4 unit x RM4.50)/(2 unit + 4 unit)

Pembelian Dan Pengeluaran Inventori Menggunakan Sistem Inventori Berkala– Contoh (Senario B)

- 1) Untuk merekodkan pembelian Inventori pada tahun 20X1 (mengandaikan Inventori Dipegang Untuk Digunakan)

Pembelian Inventori - guna habis direkodkan sebagai debit kepada Belanja Operasi.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Belanja Operasi	50,000	B0627401
Dt Belanja Operasi	500	B0222702
Kt Akaun Belum Bayar	50,000	L0127400
Kt Akaun Belum Bayar	500	L0122700

- 2) Untuk merekodkan pembelian Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula pada tahun 20X1 (mengandaikan Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula)

Pembelian Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula direkodkan sebagai debit kepada Kos Barangan Dijual.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Kos Barangan Dijual	50,000	B0727401
Dt Kos Barangan Dijual	500	B0727401
Kt Akaun Belum Bayar	50,500	L0127400

Pembelian Dan Pengeluaran Inventori Menggunakan Sistem Inventori Berkala– Contoh (Senario B)

3) Untuk merekodkan pengeluaran Inventori

- Tiada catatan dibuat.

4) Untuk melaraskan baki Inventori Guna Habis selepas pengiraan Inventori pada akhir tahun 20X1, baki Inventori yang dikenal pasti adalah sebanyak RM5,000

Baki akhir Inventori direkodkan sebagai Aset manakala Baki Awal dihapuskan. Belanja Operasi dikurangkan untuk menunjukkan item Inventori yang sebelumnya dibelanjakan tetapi sebenarnya tidak digunakan.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Inventori Dipegang Untuk Digunakan	5,000	A0627401
Kt Belanja Operasi	5,000	B0627401

Pembelian Dan Pengeluaran Inventori Menggunakan Sistem Inventori Berkala— Contoh (Senario B)



- 5) Dalam tahun kewangan berikutnya (20X2), entiti membeli Inventori tambahan yang Dipegang Untuk Digunakan yang berjumlah RM10,000. Nota: Baki Awal pada 20X2 berjumlah RM5,000

Pembelian Inventori Dipegang Untuk Digunakan didebitkan sebagai Belanja Operasi pada tahun 20X2.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Belanja Operasi	10,000	B0627401
Kt Akaun Belum Bayar	10,000	L0127400

Begitu juga bagi pembelian Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula, pembelian hendaklah didebitkan sebagai Kos Barangan Dijual.

Pembelian Dan Pengeluaran Inventori Menggunakan Sistem Inventori Berkala— Contoh (Senario B)



- 6) Pada akhir tahun 20X2, pengiraan Inventori dilakukan. Baki Inventori yang dikenal pasti adalah sebanyak RM8,000. Baki Awal Bawa Hadapan dari 20X1 berjumlah RM5,000

Baki akhir Inventori yang berjumlah RM8,000, direkodkan dengan mendebitkan Inventori Dipegang Untuk Digunakan dan menimbalbalikkan bahagian Belanja Operasi yang sebelum ini telah diiktiraf. Baki Awal Inventori pada 20X2 hendaklah ditimbal balik.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Inventori Dipegang Untuk Digunakan	8,000	A0627401
Kt Belanja Operasi	3,000	B0627401
Kt Inventori Dipegang Untuk Digunakan	5,000	A0627401

Pindahan Inventori Antara Entiti – Contoh (Senario F)



Entiti perkhidmatan kesihatan dikehendaki untuk memindahkan Bekalan Perubatan bernilai RM10,000 kepada Entiti Perkhidmatan Pertahanan

- 1) Untuk merekodkan pengurangan baki Inventori di entiti yang memindahkan, iaitu Entiti Perkhidmatan Kesihatan

Entiti Perkhidmatan Kesihatan memindahkan Bekalan Perubatan kepada Entiti Perkhidmatan Pertahanan, baki Inventori Entiti Perkhidmatan Kesihatan dikurangkan sebanyak amaun yang dipindahkan, iaitu RM10,000. Memandangkan tiada pertimbangan yang diterima oleh Entiti Perkhidmatan Kesihatan, pengurangan baki Inventori diiktiraf sebagai kerugian tempoh semasa.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Belanja Bekalan Perubatan*	10,000	B0627400
Kt Inventori Dipegang Untuk Digunakan	10,000	A0627400

Pindahan Inventori Antara Entiti – Contoh (Senario F) –Samb.



- 2) Untuk merekodkan peningkatan baki Inventori di entiti yang menerima, iaitu Entiti Perkhidmatan Pertahanan

Apabila Entiti Perkhidmatan Pertahanan menerima Bekalan Perubatan yang dipindahkan, amaun yang diterima hendaklah direkodkan sebagai untung tempoh semasa. Peningkatan baki Inventori direkodkan sebagai debit kepada Inventori Dipegang Untuk Digunakan.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Inventori Dipegang Untuk Digunakan	10,000	A0627400
Kt Penerimaan Pindahan Inventori*	10,000	H0186252

* Pada Penyata Prestasi Kewangan FGOM, Belanja Bekalan Perubatan dan penerimaan pindahan Inventori akan terhapus.

MPSAS 12

Pengukuran Susulan

Penilaian Inventori



**KOS/NILAI
SAKSAMA**

NRB/KPS



**Yang mana
lebih rendah**



CONTOH:

Kesan daripada permintaan ke atas produk yang sangat perlahan, Entiti A telah mengurangkan harga jualan bersih bagi produk A daripada RM2,000 kepada RM1,000. Kos untuk menghasilkan produk berkenaan adalah RM1,250.

Kos • RM1,250

NRB • RM1,000

Exp. • RM250

- Terendah

DR Inventory write down expense

RM 250

CR Accumulated write down

RM 250





INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Keperluan pendedahan di dalam Penyata Kewangan



Polisi Perakaunan (Termasuk Formula Kos yang digunakan)



Penyata Kedudukan Kewangan

- **Nilai Bawaan** Inventori
- Nilai Bawaan Inventori yang dibawa pada **Nilai Saksama tolak kos jualan.**
- Nilai Bawaan Inventori yang **dicagar sebagai sekuriti** bagi liabiliti



Penyata Prestasi Kewangan

- Amaun inventori yang **diiktiraf sebagai perbelanjaan.**
- Amaun **penurunan inventori** diiktiraf sebagai perbelanjaan
- Apa-apa amaun **‘reversal’** dari **penurunan** yang diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan
- sesuatu **keadaan atau peristiwa** yang menjurus kepada ‘reversal’
penurunan inventori

Entiti hendaklah menggunakan Piawaian ini untuk Penyata Kewangan yang meliputi tempoh bermula **pada atau selepas 1 Januari, 2017.**

- **Penggunaan awal adalah digalakkan.** Jika entiti menggunakan Piawaian ini bagi tempoh mula **sebelum 1 Januari, 2017, hendaklah mendedahkan fakta ini.**





INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

- **Threshold** – Nilai inventori RM1 juta dan ke atas per PTJ bagi 3 tahun ke belakang berturut-turut.
- **Sistem inventori** – Periodic atau sistem lain yang dipersetujui oleh JANM
- **Formula kos** – Purata wajaran (WAC)

- **3 tahun peralihan** untuk mengakaunkan inventori.
- Semua inventori yang melepasi *Threshold* perlu diiktiraf bermula daripada tahun 2020 sebagai baki awal.

Rujukan

- SPANM BIL 11/2017-Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan FGOM(Tarikh Kuatkuasa: 29.12.17)
- Garis Panduan Polisi Peralihan Perakaunan Akruan FGOM(Surat Edaran JANM: 31.05.19)
- Garis Panduan Inventori FGOM Asas Akruan-Bil 1 Tahun 2014
- Interpretation of Accounting Policies Revised 19.02.18

Contoh Soalan



INSTITUT PERAKAUNAN & KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

1. Pengiraan kos pembinaan rumah

I. Kos Infra

2. Jenis2 Inventori

3. Macamana nak rekod bila jual rumah dengan harga subsidi

Lain-lain Contoh Senario Bagi Transaksi Inventori – Untuk Rujukan



- Senario C – Pembelian Dan Pengeluaran Inventori Menggunakan Sistem Inventori Berterusan
- Senario D – Penurunan Nilai Inventori Dan Timbal Balik Penurunan Nilai
- Senario E – Keusangan Inventori – Hapus Kira Diperlukan

Contoh Senario Bagi Transaksi Inventori

Senario C – Pembelian Dan Pengeluaran Inventori Menggunakan Sistem Inventori Berterusan

Entiti membeli Bekalan Perubatan berjumlah RM50,000. Caj Pengangkutan sebanyak RM500 dimasukkan dalam invois. Mengandaikan entiti menggunakan Sistem Berterusan, pembelian dan pengeluaran direkodkan terus dalam Akaun Inventori apabila ianya berlaku.

1) Untuk merekodkan pembelian Inventori Guna Habis

Pembelian Bekalan Perubatan direkodkan sebagai debit kepada Inventori. Kos penghantaran hendaklah dipermodalkan sebagai sebahagian daripada Kos Inventori. Kaedah merekodkan Inventori Dipegang Untuk Digunakan dan Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula adalah sama jika menggunakan Sistem Inventori Berterusan.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Inventori Dipegang Untuk Digunakan	50,500	A0627401
Kt Akaun Belum Bayar	50,500	L0127400

Contoh Senario Bagi Transaksi Inventori



- 2) Untuk merekodkan pengeluaran RM10,000 daripada Inventori Dipegang Untuk Digunakan

Apabila Inventori Dipegang Untuk Digunakan dikeluarkan untuk kegunaan harian, Akaun Inventori Dipegang Untuk Digunakan dikurangkan dan catatan kontra adalah debit kepada Belanja Operasi.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Belanja Operasi	10,000	B0627401
Kt Inventori Dipegang Untuk Digunakan	10,000	A0627401

- 3) Untuk merekodkan pengeluaran sebanyak RM10,000 daripada Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula

Apabila Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula dikeluarkan untuk dijual semula kepada pihak ketiga, Akaun Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula dikurangkan dan catatan kontra adalah debit kepada Kos Barangan Dijual.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Kos Barangan Dijual	10,000	B0727401
Kt Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula	10,000	A0727401

Contoh Senario Bagi Transaksi Inventori

Senario D – Penurunan Nilai Inventori Dan Timbal Balik Penurunan Nilai

Entiti mengurangkan harga barangannya ekoran daripada permintaan yang perlahan daripada pelanggan. Ini menunjukkan bahawa Nilai Boleh Realisasi Bersih mungkin berada di bawah kos, iaitu Kos Inventori diturunkan nilai untuk menunjukkan penurunan nilai. Pengurangan nilai berkenaan dikenalpasti berjumlah RM2,000.

Selepas itu, entiti menyedari bahawa permintaan untuk barangan tersebut meningkat semula berikutan aktiviti promosi yang dijalankan. Sehubungan itu, Kerugian Penjejasan yang sebelum ini diiktiraf akan ditimbal balik.

1) Untuk merekodkan penurunan nilai

Nilai Inventori hendaklah diturunkan nilai dengan mewujudkan Akaun Penurunan Nilai Berkumpul (Akaun Kontra). Baki ini akan ditunjukkan sebagai Nilai Bersih Baki Inventori dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

	Akaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Belanja Penurunan Nilai Inventori	2,000	B5327000
Kt Penurunan Nilai Berkumpul	2,000	A5327000

Contoh Senario Bagi Transaksi Inventori



2) Untuk merekodkan timbal balik penurunan nilai

Apabila penurunan nilai yang sebelum ini diiktiraf ditimbal balik, Akaun Penurunan Nilai Berkumpul yang sebelum ini diiktiraf didebitkan dan Akaun Belanja yang sama ditimbal balik. Catatan yang sama digunakan apabila pengiktirafan dan timbal balik penurunan nilai melangkaui 2 tahun kewangan.

	Akaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Penurunan Nilai Berkumpul	2,000	A5327000
Kt Belanja Penurunan Nilai Inventori	2,000	B5327000

Contoh Senario Bagi Transaksi Inventori



1) Untuk merekodkan keusangan Inventori

Apabila Inventori didapati telah usang, Inventori berkenaan hendaklah dihapus kira. Untuk merekodkan keusangan Inventori, Akaun Inventori hendaklah dikurangkan dengan amaun pengurangan dan kerugian direkodkan. Sekiranya Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula, catatan kredit adalah kepada Akaun Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula.

	Amaun (RM)	Kod Perakaunan
Dt Hapus Kira Inventori	2,000	B0557101
Kt Inventori Dipegang Untuk Dijual Semula	2,000	A0727000

EDISI 2021



**INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROGRAM PERAKAUNAN & KEWANGAN**

TERIMA KASIH



MORE INFO

www.ipn.gov.my

